

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan kuat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memilih hari Khamis 25 September 2014 sebagai tarikh pengundian Pilihan Raya Kecil N.01 Pengkalan Kubor, Kelantan. Adakah SPR menyedari pemilihan tarikh berkenaan menyukarkan pengundi-pengundi yang bermastautin di luar Kelantan untuk balik mengundi. Apakah ada cadangan berkesan oleh SPR dalam usaha memudahkan pengundi-pengundi yang berada jauh daripada pusat-pusat pengundian.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pilihan Raya Kecil N.01 Pengkalan Kubor, Kelantan diadakan apabila berlakunya suatu kekosongan luar jangka yang hendaklah diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan luar jangka itu dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan.

SPR telah memilih hari Ahad 21 September 2014 sebagai Hari Mengundi Awal dan hari Khamis 25 September 2014 sebagai Hari Mengundi Biasa dengan mengambil kira semua tarikh penting yang terlibat sepanjang tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan.

Penetapan tarikh pilihan raya kecil tersebut adalah hak mutlak SPR dan ia dibuat atas beberapa faktor antaranya kemampuan SPR untuk mengendalikan pilihan raya, persiapan daftar pemilih, latihan kepada pegawai dan petugas pilihan raya serta kelengkapan logistik yang lain.

Penetapan tarikh Pilihan Raya Kecil N.01 Pengkalan Kubor, Kelantan pada hari Khamis 25 September 2014 dianggap tarikh yang paling sesuai kerana ianya bukan sahaja mematuhi undang-undang, tetapi juga dapat memberi keselesaan kepada SPR dan juga parti-parti politik yang bertanding. SPR juga mengambil kira majoriti pemilih di dalam

bahagian pilihan raya yang berkenaan yang bekerja sendiri dalam menentukan tarikh bagi hari pengundian.

Sehingga kini, kemudahan mengundi diberikan kepada pengundi-pengundi yang berada di luar bahagian pilihan raya terdiri daripada anggota polis atau tentera yang bertugas pada hari mengundi awal, petugas pilihan raya yang bertugas pada hari mengundi dan pekerja media yang membuat liputan pilihan raya serta pemilih yang tinggal di luar negara melalui pengundian pos.

Sekian. Terima kasih.